

© Karang Kutu 2013

First published 2013

All rights reserved. No part of this work may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without written approval from the author. Please contact the author at karangkutu@gmail.com for bulk purchase at a discounted price for students.

[Pengenalan] Strategi Kami	3
<i>[Introduction] Our Strategy</i>	
[Langkah Pertama] Kehendak Soalan	8
<i>[The First Move] Question's Expectation</i>	
[Langkah Kedua] Tema Cerita	10
<i>[The Second Move] Story Theme</i>	
[Langkah Ketiga] Pengenalan	13
<i>[The Third Move] Introduction</i>	
[Langkah Keempat] Bahagian Utama	16
<i>[The Fourth Move] The Main</i>	
[Langkah Kelima] Penutup	19
<i>[The Fifth Move] Conclusion</i>	
[Contoh] Sampel Karangan Deskriptif	21
<i>[Example] Sample of Descriptive Writings</i>	
[Penilaian Formatif] Senarai Semak	48
<i>[Formative Assessment] Checklist</i>	

Strategi penulisan kami menyediakan para pelajar dengan kemahiran menulis karangan deskriptif yang menarik dan memenuhi kehendak soalan. Keistimewaan strategi kami terletak pada **penyusunan cerita** dan **langkah-langkah penulisan** kami.


*Our descriptive writing strategy equips students with the skills to write interesting and engaging stories that fulfil the expectation of the question. The key features of our strategy are our **organization of events** and **proposed moves**.*

Penyusunan Cerita


Organization of Events

Karangan deskriptif yang baik tidak semestinya mengikut penyusunan cerita yang bersifat kronologi. Ada beberapa cara penyusunan cerita yang boleh dipertimbangkan. Penyusunan cerita yang kami gemari diterangkan menggunakan grafik di bawah.

A good descriptive writing does not necessarily narrate events in a chronological order. We can consider several ways to arrange events in a descriptive writing. The arrangement that we favour is explained graphically below.



Ilustrasi 1. Susunan cerita mengikut urutan kronologi
Diagram 1. Events of a story unfold in a chronological order



Ilustrasi 2. Bagaimana jalan cerita disusun dalam strategi penulisan deskriptif kami
Diagram 2. How events are organized in our descriptive writing strategy

Pengenalan **Introduction**

Kami meletakkan dua perkara pada bahagian *Pengenalan* dalam strategi penulisan deskriptif kami. Pertama adalah konflik untuk memperkenalkan fokus soalan. Ini disusuli dengan penceritaan mengenai kejadian yang berlaku sebelum konflik (warna biru) yang memberikan latar belakang kepada fokus soalan. Setiap penceritaan mengenai kejadian yang berlaku sebelum konflik dilakukan menggunakan teknik imbas kembali.

We favour two elements in the Introduction of our descriptive writing strategy. The first element is conflict which is used to introduce the focus of the question. This is followed by the narration of events that happened before the conflict (colour-coded in blue) that furnishes the background information of the focus of the question. Flashback technique is used to narrate past events that happened before the conflict.

Bahagian Utama **The Main**

Seterusnya adalah *Bahagian Utama* yang juga merangkumi dua perkara. Pertama adalah peleraian setelah konflik (warna oren). Ini disusuli dengan penceritaan mengenai kejadian yang berlaku sebelum konflik (berwarna biru). Peleraian setelah konflik digunakan untuk menonjolkan nilai dan renungan yang boleh raih daripada fokus soalan. Seterusnya, peleraian setelah konflik dipertimbangkan bersama dengan penceritaan mengenai kejadian yang berlaku sebelum konflik untuk membina fokus soalan.

Next is The Main that also houses two elements. The first element is the resolution after the conflict (colour-coded in orange). This is followed by the narration of events that happened before the conflict (colour-coded in blue). The resolution after the conflict is used to highlight values and reflections that can be drawn from the focus of the question. Thereafter, the resolution after the conflict is considered with the narration of events that happened before the conflict when developing the focus of the question.

Sebelum Menulis
Before Writing

Matlamat Langkah Pertama (Kehendak Soalan) adalah untuk mengenal pasti **dua bahagian cerita** yang sesuai daripada soalan deskriptif agar karangan yang ditulis menjawab soalan dengan betul.

*The objective of the First Move (Question's Expectation) is to draw an appropriate **two-part story** from a descriptive question in order to answer the question correctly.*

Dua Bahagian Cerita

Two-part Story

- ✓ Setiap soalan deskriptif memerlukan dua bahagian cerita. Dua bahagian cerita ini berkaitan sebagai perbuatan dan kesan.

Every descriptive question has a two-part story expectation. The two-part story is bound as action and consequence.

- ✓ Sebelum mengenal pasti dua bahagian cerita, kenal pasti tumpuan soalan. Untuk melakukan ini, tanya samada soalan merujuk kepada orang, benda ataupun insiden. Ada ketika tumpuan soalan boleh merangkumi dua perkara, seperti orang dan insiden. Mengetahui tumpuan soalan dapat memberikan gambaran lebih jelas apakah fokus soalan.

Identify the concern of the question before identifying the two-part story. To achieve this, ask yourself if the question refers to a person, an object or an incident.

Occasionally, the concern may consist of two elements, like person and incident.

Identifying the concern of the question allows for a clearer depiction of the focus of the question.

- ✓ Setelah mengetahui tumpuan soalan, bahagikan soalan kepada dua bahagian. Ini akan memudahkan pelajar mengenal pasti apakah dua bahagian cerita untuk soalan tersebut. Olah semula dua bahagian itu untuk mendapatkan dua bahagian cerita.

Separate the question into two parts after you have identified the concern of the question. This move will make it easier for student to identify the two-part story for the question. Paraphrase the two parts to come up with a two-part story.

- ✓ Ada ketikanya, soalan deskriptif tidak boleh dibahagian kepada dua bahagian. Untuk soalan seperti ini, kenal pasti apakah perkara yang boleh menggambarkan dengan lebih jelas fokus soalan dan jadikan ia bahagian pertama cerita. Soalan deskriptif tersebut boleh dijadikan bahagian kedua cerita. (Lihat Contoh 2 Sampel Karangan Deskriptif di muka surat 27 untuk penjelasan.)

Occasionally, you may come across question that cannot be separated into two parts. For such question, identify what can depict clearly the focus of the question and make it the first part. The second part can be the question itself. (See Example 2 of the Sample of Descriptive Writings on page 27 for explanation.)

Explicit story messages are inserted in The Main and the Conclusion. In The Main, it is applied in value and reflection and while in Conclusion, consequence and lesson.

- ✓ Mesej cerita perlu menerapkan nilai-nilai budaya masyarakat Asia.

Message has to reflect values of Asian cultures.

- ✓ Jauhi daripada mesej-mesej cerita yang mengalakkan cara kehidupan alternatif yang kontroversial dan bertentangan dengan budaya masyarakat Asia. Ingat, para pelajar akan dinilai sejauh mana mereka menghayati semangat Arif Budiman – Insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Mesej-mesej cerita hasil daripada karangan pelajar menjadi sumber penilaian ini.

Avoid messages that promote controversial alternative lifestyles that run counter to Asian cultures. Remember, students are also judged how they live up to the spirit of Arif Budiman – A learned person who contributes to society. The messages borne in the students' writings are sources of this assessment.

- ✓ Elakkan daripada mesej universal dan umum seperti jangan mencuri. Karangan yang menarik biasanya mempunyai mesej-mesej yang unik dan berkait dengan konteks tertentu.

Refrain from universal message, like do not steal. An engaging piece of writing usually has unique messages that are tied to specific contexts.

Semasa Menulis

During Writing

Matlamat Langkah Ketiga (Pengenalan) adalah untuk merangsang minat pembaca. Ini dilakukan dengan memperkenalkan pada perenggan pertama akan fokus soalan melalui **konflik** menggunakan **perspektif fly on a wall** dengan diselitkan **unsur suspens**. Ini disusuli dengan memperkenalkan pada perenggan kedua **latar belakang** kepada fokus soalan untuk menjelaskan suspens.

*The objective of the Third Move (Introduction) is to arouse reader's interest. This is achieved by introducing in the first paragraph the focus of the question through a **conflict** that is woven with **suspense element** using the **fly on a wall perspective**. This is followed by furnishing in the second paragraph the **background information** of the focus of the question to explain the suspense.*

Perenggan Pertama**First Paragraph****Konflik****Conflict**

- ✓ Konflik berpusatkan kepada fokus soalan. Fokus soalan menjadi jelas apabila dikenal pasti tumpuan soalan. Tumpuan soalan merujuk kepada orang, benda ataupun insiden. Ada ketika ia boleh merangkumi dua perkara, seperti orang dan insiden. Menggunakan Contoh 1 Sampel Karangan Deskriptif Peringkat O (lihat muka surat 21), kita lihat bahawa tumpuan soalan adalah orang dan insiden. Fokus soalan kemudiannya adalah datuk (orang) dan susah payah yang terpaksa dilaluinya untuk mendapatkan ijazah PhD (insiden).

Conflict centres on the focus of the question. The focus of the question becomes clearer when the concern of the question is identified. The concern of the question refers to a person, an object or an incident. Occasionally, it may consist of two things, like person and incident. Using Example 1 of the Sample of Descriptive Writings O Level (see page 21), we can see that the concerns of the question are person and incident. The focus of the question then is Datuk (person) and his unrelenting effort to obtain his PhD (incident).

- ✓ Ketiga-tiga kesudahan cerita ditulis dalam satu perenggan.

The three consequences of the story are written in one paragraph.

Pengajaran

Lesson

- ✓ Pengajaran mengandungi mesej-mesej cerita. Ia ditonjolkan dalam *Penutup* untuk meleraikan kehendak soalan dan juga memberikan nilai tambah pada mesej-mesej cerita yang diketengahkan melalui nilai dan renungan dalam *Bahagian Utama*.

Lesson contains story messages. It is highlighted in the Conclusion to resolve the question's expectation and also to value add story messages presented in the values and reflections in The Main.

- ✓ Setiap pengajaran unik serta sesuai dan berkaitan dengan kesudahan cerita.

Every lesson is unique, at the same time appropriate, and is connected with the consequence of the question.

Peringkat O – Contoh 1

O Level – Example 1

Seseorang telah melakukan sesuatu yang menyentuh perasaan kamu. Gambarkan perbuatan orang itu dan kesan perbuatannya terhadap diri kamu. [*Person & Incident*]

Sebelum Menulis

Before Writing

- **[Langkah Pertama] Kehendak Soalan**
[The First Move] Question's Expectation

- ✓ Sebelum menulis, kenal pasti **dua bahagian cerita** dengan mengenal pasti tumpuan soalan dan membahagikan soalan kepada dua bahagian seperti di bawah:

*Before writing, identify the **two-part story** by identifying the concern of the question and separate the question into two parts like below:*

Tumpuan Soalan: Orang & Insiden
Concern of the Question: Person & Incident

Seseorang telah melakukan sesuatu yang menyentuh perasaan kamu. Gambarkan perbuatan orang itu [**Bahagian Pertama/First Part**] // dan kesan perbuatannya terhadap diri kamu. [**Bahagian Kedua/Second Part**]

- ✓ Kemudian olah semula dua bahagian itu untuk mendapatkan dua bahagian cerita seperti di bawah:

Next, paraphrase the two parts to come up with the two-part story like below:

Bahagian Pertama – Gambarkan perbuatan seseorang yang menyentuh perasaan kamu.

First Part – *Depict the action of someone that touches you emotionally.*

Kesudahan & Pengajaran | Consequence & Lesson

1. Pencegahan melalui sikap berhati-hati adalah penting sekali.
The importance of prevention through cautiousness.
2. Mempersiapkan diri untuk menghadapi bencana dengan ilmu
Knowledge is the best insurance in face of disaster.
3. Perlu mempunyai senarai nombor telefon penting untuk
mendapatkan bantuan saat kecemasan
*The importance of having a list of important contact numbers
during emergency.*

Semasa Menulis

During Writing

- **[Langkah Ketiga] Pengenalan**
[The Third Move] Introduction

Konflik

Conflict

- ✓ Perspektif *Fly on a Wall*
Fly on a Wall
Perspective

- ✓ Unsur Suspens
Suspense Element

Insiden

Incident

Teriakan seorang wanita meminta tolong menarik perhatian ramai orang di pusat beli-belah Compass Point. Wajahnya pucat, bagai ditoreh tiada darah. Di sisinya berdiri seorang anak lelaki kecil yang merintih kesakitan [INCIDENT]. Dengan sekilas, seorang pengujung lelaki menekan butang kecemasan pada tangga bergerak di tingkat dua untuk menghentikannya daripada terus beroperasi. Beberapa orang wanita yang berada pada tangga bergerak itu dengan cepat merapati anak kecil itu untuk memberikan bantuan. Suasana menjadi tegang apabila rintihan anak kecil itu menjadi kuat. Dalam masa yang singkat, pengujung lain mula berkumpul di tempat kejadian. Ada yang cuba membantu sedangkan yang lain hanya mampu untuk melihat dan memberikan nasihat serta kata-kata semangat. Para pengujung di tingkat atas berdiri sepanjang penghadang kaca untuk menyaksikan apa yang berlaku. Darah mula mengalir daripada kasut anak kecil tersebut. Anak kecil itu terkulai layu dan terus merintih kesakitan.

Senarai semak ini adalah untuk penilaian formatif yang boleh dijalankan oleh rakan sekelas atau guru untuk memberikan maklum balas bagi mengenal pasti kekurangan dalam penulisan pelajar.

*The **Checklist** is meant for formative assessment that can be carried out as peer or teacher's feedback to help students identify gaps in their writings.*

Senarai Semak

Checklist

Sila rait pada kotak yang sesuai
Please tick where appropriate

Langkah <i>Move</i>	Teknik <i>Technique</i>	Perkara penting <i>Important area</i>	Ya <i>Yes</i>	Hampir <i>Almost</i>	Tidak <i>No</i>
Kehendak Soalan <i>Question's Expectation</i>	Dua Bahagian Cerita <i>Two-part Story</i>	Terdapat dua bahagian cerita. <i>There is a two-part story.</i>			
Tema Cerita <i>Story Theme</i>	Latar Cerita <i>Story Backdrop</i>	Terdapat latar cerita. <i>There is a story backdrop.</i>			
		Latar cerita berkaitan dengan isu-isu sosial masa kini. <i>Story backdrop relates to contemporary social issues.</i>			
	Mesej Cerita <i>Story Message</i>	Menerapkan nilai-nilai budaya masyarakat Asia <i>Reflect values uphold in Asian cultures</i>			
Pengenalan <i>Introduction</i> (Perenggan Pertama <i>First Paragraph</i>)	Konflik <i>Conflict</i>	Terdapat konflik pada permulaan karangan. <i>There is a conflict in the introductory section.</i>			

Sila rait pada kotak yang sesuai
Please tick where appropriate

Langkah Move	Teknik Technique	Perkara penting Important area	Ya Yes	Hampir Almost	Tidak No
		Meleraikan bahagian lain daripada kehendak soalan (yang tidak dileraikan dalam <i>Bahagian Utama</i>) <i>Resolve the other part of the question's expectation (that is not resolved in The Main)</i>			
		Sekurang-kurangnya tiga kesudahan cerita disertakan. <i>At least three consequences of the story is provided.</i>			
		Ditulis dalam satu perenggan <i>Written in one paragraph</i>			
	Pengajaran Lesson	Pengajaran menyusul setiap kesudahan cerita. <i>A lesson follows every consequence of the story.</i>			
		Setiap pengajaran unik serta sesuai dan berkaitan dengan kesudahan cerita. <i>Every lesson is unique, at the same time appropriate, and is connected with the consequence of the question.</i>			

Nota: Senarai semak ini tidak semestinya digunakan keseluruhannya pada suatu masa, tetapi secara berperingkat mengikut langkah apabila ingin memastikan pelajar sudah mahir menggunakan langkah tersebut.

Note: You do not have to use the entire checklist at a time. You may choose to use it in stages according to the move when assessing whether a student has mastered the move successfully.

About Karang Kutu

Karang Kutu is an online store where you can purchase pieces of karangan at affordably low price. Each karangan will only cost you SDG\$1 (Singapore dollars). Every karangan is written following a writing strategy specifically tailored-made for its respective genre – narrative, descriptive and argumentative.

Teachers and students will find every karangan useful because it is annotated with side-notes to show how various techniques are used in when writing it.

Although the questions are categorised into O and N level questions, not all of the questions are from the past O and N level examination papers. However, these questions are chosen because they fulfill the specifications of O and N Level questions respectively.

We will be posting new karangan from time to time. Please follow us for updates, if God's will. You can also follow us in facebook here: <http://www.facebook.com/karang.kutu>